

Trend guna pengangkutan awam terus meningkat

Kuala Lumpur: Trend menaiki pengangkutan awam untuk ke sesuatu lokasi terutama di Lembah Klang akan terus berlarutan sehingga ke tahun mendatang, kata Pakar Sosial Prof Dr Mohammad Shatar Sabran.

Beliau yang juga Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Universiti Putra Malaysia (UPM) berkata, senario itu tidak akan berhenti disebabkan faktor penjimatan yang perlu difikirkan setiap rakyat.

“Secara umumnya rakyat kini perlu membuat pilihan yang bijak dalam pada mahu menikmati keselesaan hidup kerana mereka berdepan kekangan gaji yang terhad dan kos sara diri meningkat.

“Maka untuk memastikan kualiti hidup tak terjejas, sebarang langkah yang boleh tak jimatkan perbelanjaan akan menjadi pilihan utama termasuklah menggunakan pengangkutan awam ke tempat kerja atau tempat lain.

“Perspektif juga sudah berubah yang mana orang tidak lagi melihat kenderaan

sebagai lambang status sosial seseorang sebaliknya alat untuk bergerak, jadi mereka tidak kisah pilih mana-mana pengangkutan asalkan cepat sampai,” katanya, di sini, semalam.

Akhbar semalam melaporkan kadar penggunaan pengangkutan awam di Lembah Klang meningkat sebanyak 1.2 peratus berbanding 2012, terutama waktu puncak sebelah pagi.

Kajian tahunan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) menunjukkan peratus penggunaan pengangkutan awam pada 2013 ialah 20.8 peratus berbanding 19.6 peratus pada 2012.

Berikutan itu, Dr Mohammad Shatar berkata, kerajaan perlu komited menyediakan kemudahan pengangkutan awam yang lebih baik pada masa depan dengan capaian yang lebih meluas di kawasan seluruh negara.

“Dalam beberapa tahun lagi kita akan ada Aliran Transit Massa (MRT) dan ia akan jadi titik tolak kepada perkembangan industri yang lebih pesat,” katanya.